



Ruj. Kami : JP/TUISYEN/PT. 1308/( 2 )

Tarikh : 26 Julai 2005

Pengerusi  
Pusat Tuisyen Terbilang  
No. 47, Lorong 2A4  
Taman Yen Yen  
93050 Kuching.

Tuan,

### MENDAPATKAN SIJIL MENDUDUKI (O.P) UNTUK TUJUAN PENDIDIKAN

Dengan sukacitanya surat permohonan tuan untuk menubuhkan Tadika/Pusat Tuisyen/Pusat Kemahiran adalah dirujuk.

2. Sehubungan itu, Jabatan menyokong permohonan tuan untuk mendapatkan Sijil Menduduki (O.P) daripada Majlis Perbandaran Tempatan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Nama Institusi	Alamat Institusi
Pusat Tuisyen Terbilang	Lot 70FF, Blok H, Matang Jaya Commercial Centre, Jalan Matang, 93050 Kuching.

3. Untuk melicinkan urusan pendaftaran, pihak tuan diharap untuk melaksana dan memenuhi perkara-perkara yang berikut :

- 3.5 Menyediakan (6) enam salinan pelan bangunan yang disediakan arkitek yang bertauliah ke Jabatan Pelajaran Negeri/Jabatan Pelajaran Gabungan untuk tujuan endossan.
- 3.6 Mendapatkan 'Occupational Permit' (O.P) daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat dan/atau Majlis Perbandaran Tempatan

4. Setelah melaksanakan perkara-perkara di atas dan memperolehi kelulusan daripada pihak berwajib bagi (3.2) tuan dimohon untuk mengusahakan proses permohonan pendaftaran perkara-perkara yang berikut :

- 4.7 Perakuan Pendaftaran Institusi.
- 4.8 Pendaftaran Guru.
- 4.9 Pendaftaran Lembaga Pengelola.

5. Untuk makluman tuan, surat ini **BUKANLAH** satu kebenaran untuk tuan **BEROPERASI**. Kegagalan mematuhi surat ini, pihak kami tidak akan bertanggungjawab sekiranya institut tuan tidak dapat didaftarkan.

..2/-

Sekian. Terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



(Dr. Sluhi Lamat)  
Penolong Pendaftar Sekolah  
Jabatan Pelajaran Sarawak  
b.p Ketua Pendaftar Sekolah Dan Guru  
Kementerian Pelajaran Malaysia

- s.k.      ①      Pegawai Pelajaran Gabungan Kuching  
            ②      Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat  
            ③      Setiausaha, Dewan Bandaraya Kuching Utara

PERINGATAN YANG BERKAITAN DENGAN AKTA PENDIDIKAN 1996

PENDAFTARAN INSTITUSI PENDIDIKAN

- S.79 (1)      Semua institusi pendidikan hendaklah didaftarkan.
- S.83 (4)      Institusi pendidikan yang telah didaftarkan tidak boleh menukar alamat premis atau membuat apa-apa perubahan kepada premis tanpa kelulusan.
- S.86 (1)      Tidak boleh mempromosi institusi pendidikan sama ada melalui iklan, prospektus, risalah atau selainnya, melainkan institusi pendidikan telah didaftarkan.

PENDAFTARAN PENGELOLA ATAU PEKERJA

- S.88 (1)      Tiap-tiap orang yang bertindak sebagai pengelola atau pekerja hendaklah didaftarkan.

PENDAFTARAN GURU

- S.103 (1)      Tiada seorang pun boleh mengajar di sesuatu institusi pendidikan melainkan jika dia didaftarkan.

PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN (PENDAFTARAN INSTITUSI PENDIDIKAN) 1997

- P.17 (1)      Tiada sesuatu institusi pendidikan pun boleh mengutip sebarang yuran pengajian melainkan institusi pendidikan itu telah didaftarkan.